

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>BEE YIN YEO: Force for the environment</u> Yeo Bee Yin began to question the future of the world — and her own career — while evaluating oil wells in the deserts of Turkmenistan. The new university graduate decided that humanity would eventually move away from fossil fuels, so she decided to find another profession that would serve the well-being of the world.	Nature's 10	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Peka Malaysia: Make public hearings for forest reserve degazettement compulsory</u> Peka Malaysia has also urged both Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin and Water, Land and Natural Resources Minister Dr Xavier Jayakumar to work hand-in-hand with state legislators to strengthen legislation to protect the natural resources and environment, and ensure that amendments are passed in all states and Parliament.	Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Banjir makin pulih</u> Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengeluarkan penamatan amaran cuaca yang dikeluarkan agensi itu pada 10 Disember lalu.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<u>TPM sumbang Kabin Pengeringan Serbaguna kepada nelayan Kuala Kemaman</u> Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) menyumbang sebuah Kabin Pengeringan Serbaguna bernilai RM310,000 kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kemaman.	Kosmo!	Klik pada tajuk berita

5.	<u>Lee named MDV non-executive chair</u> Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) has appointed Datuk Seri Lee Kah Choon as its new non – executive chairman, effective December 13.	News Strait Times	Rujuk Lampiran 1
----	---	-------------------	------------------

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
6.	<u>Loji jana kuasa arang batu TNB disambungkan ke grid nasional</u> Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata projek itu, Loji Tenaga Super Kritikal (USC) Keempat Malaysia, akan meningkatkan kapasiti penjanaan TNB kepada lebih 14,000 MW. Beliau juga berkata, loji janakuasa itu adalah Loji Tenaga Arang Batu USC ketiga TNB, selain Manjung 4 dan Manjung 5, kedua-duanya di Lumut, Perak.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk Lampiran 2
7.	<u>Unit 1 Jimah mula bekalkan elektrik</u> Unit 1 loji jana kuasa arang batu Jimah East Power Sdn.Bhd, anak syarikat Tenaga Nasional Bhd. (TNB) di Port Dickson, Negeri Sembilan Berjaya diselaraskn pada 10 Disember lalu.	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 3
8.	<u>Penjana Unit 1 Jimah East Power mula bekalkan elektrik</u> Unit 1 loji jana kuasa arang batu Jimah East Power Sdn Bhd di Port Dickson, Negeri Sembilan Berjaya diselaraskan pada 10 Disember lalu.	Harian Metro	Rujuk Lampiran 4
9.	<u>Unit 1 of Jimah East plant starts supplying electricity</u> Tenaga Nasional Berhad (TNB) Unit 1 of Jimah East Power SDN Bhd's coal-fired power plant in Port Dickson successfully achieved its first synchronisation on December 10.	News Strait Times	Rujuk Lampiran 5
10.	<u>TNB's power plant achieves national grid connectivity</u> Unit 1 of Jimah East Power Sdn Bhd's coal-fired power plant in Port Dickson, Negeri Sembilan,	Borneo Post	Klik pada tajuk berita

	successfully achieved its first synchronisation on Dec 10. Jimah East Power is a 70 per cent subsidiary of Tenaga Nasional Bhd (TNB). TNB said the first synchronisation means the generator of Unit 1 had been synchronised to the Malaysian grid system and commenced supplying electricity to it.		
11.	<u>Seeds of change</u> Moving forward, a concerted effort is required of the government and investors, as well as willingness among farmers to change to new farming methods. Achieving the vision of a transformed Malaysian agriculture in the age of the Fourth Industrial Revolution will no longer depend on hard labour. Rather, farms and agricultural operations will use sophisticated technologies that allow farms to be more profitable, resource efficient, safe and environmentally responsible.	News Strait Times	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Sydney Cake House sasar pendapatan RM100 juta</u> Beliau berkata, dengan menerima pakai teknologi baharu seperti internet untuk segala-galanya (IoT) dan kecerdasan buatan (AI), turut menjadikan SCH berada di landasan tepat menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Automation behind bulk of job losses this year, says Socso</u> "If you ask me, the first thing we should do, which we are very fortunate to have done already before the Industrial Revolution 4.0 and before people started implementing automation and e-commerce, is to establish an employment insurance system."	Free Malaysian Today	Klik pada tajuk berita
14.	<u>21,000 lost jobs this year</u> Among the affected sectors is the manufacturing sector, which saw 32 per cent of employees lose their jobs, followed by the construction	Daily Express	Klik pada tajuk berita

	sector (8.8 per cent) and the financial sector (8.1 per cent). He also pointed out the efforts of his ministry in working to streamline all Technical and Vocational Training (TVET) programmes within the country, to prepare workers for the Industrial Revolution 4.0. "With now people mentioning even Industrial Revolution 5.0, we need to get these workers ready.		
15.	<u>RON92 tak akan dikembalikan demi alam sekitar</u> Kerajaan tidak akan mengembalikan penjualan petrol RON92 kerana kandungan sulfur yang tinggi dalam bahan api itu boleh mencemarkan alam sekitar, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
16.	<u>NGO alam sekitar desak hentikan pembalakan di Perak</u> Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendesak supaya tindakan tegas dan sewajarnya diambil bagi mengatasi masalah pembalakan melebihi had kawasan oleh lapan syarikat disekitar kawasan hutan simpan kekal daerah Hulu Perak, Perak.	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 6
17.	<u>Bersih pantai Bagan Lalang</u> <u>Pantai antara destinasi riadah yang sering dikunjungi orang ramai bagi melakukan pelbagai aktiviti termasuk berkelah, berkhemah, menaiki bot dan memancing.</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 7
18.	<u>Projek Rileaf memulihara kelestarian alam sekitar di Sungai Kinabatangan</u> Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian alam sekitar, Nestle (Malaysia) Berhad dan Yayasan Sime Darby (YSD) akan meneruskan usaha sama mereka dalam Projek Rileaf Kinabatangan dengan sasaran baharu iaitu menanam sejuta pokok di	Kosmo!	Rujuk Lampiran 8

	sepanjang Sungai Kinabatangan menjelang tahun 2020		
18.	<u>Creating green job opportunities</u> As Asean Labour Sector chairman for 2018 – 2020, Malaysia will undertake efforts to create job opportunities and skill development in green sector in the region.	News Strait Times	Rujuk Lampiran 9

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
19.	<u>Siklon Phethai badai pantai timur India</u> Siklon kuat menyebabkan seorang mangsa terkorban dan memaksa beribu-ribu penduduk meninggalkan kediaman mereka di pantai timur India, kata beberapa pegawai pengurusan bencana semalam.	Kosmo!	Rujuk Lampiran 10
20.	<u>Ribut Phethai: Seorang terkorban, ribuan dipindahkan</u> Sekurang-kurangnya seorang terkorban manakala ribuan lagi diarahkan berpindah apabila ribut Phethai melanda Pantai Timur India sejak semalam. AFP melaporkan, ribut yang membawa tiupan angin sehingga 90 kilometer sejam itu telah mengakibatkan ribuan pokok dan pencawang elektrik tumbang.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Norway ready to restart trade negotiations with Malaysia</u> The world's largest natural gas platform Asgard-B being towed in April 2000 from Kvaerner Rosenberg Shipyard near Stavanger, Norway on the first stage of its journey to its North Sea destination. Most Norwegian businesses in Malaysia have a strong focus on the oil and gas industry, but the trend has changed in recent years, with new interest in renewable energy and information technology-related sectors.	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Turki promosi kepentingan kirar semula</u> Berdirinya wanita Turki, Tulay Gercek di hadapan mesin layan diri di tengah – tengah kesibukan tren Istanbul Metro bukanlah untuk memasukan duit syiling ke dalam slot itu.	Kosmo!	Rujuk lampiran 11

LAMPIRAN 1
NEWS STRAIT TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 19
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

Lee named MDV non-executive chair

KUALA LUMPUR: Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) has appointed Datuk Seri Lee Kah Choon as its new non-executive chairman, effective December 13. Lee succeeds Tan Sri Zarinah Anwar, whose term of service ended on July 21. In a statement yesterday, MDV said Lee was a board member of various state government-linked companies, where he was actively involved in charting the policy direction of these corporations and their many strategic decisions. **Bernama**

LAMPIRAN 2
BERITA HARIAN (BUSINESS): MUKA SURAT 25
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

Loji jana kuasa arang batu TNB disambung ke grid nasional

Unit 1 loji jana kuasa arang batu Jimah East Power Sdn Bhd di Port Dickson, Negeri Sembilan, berjaya diselaraskan pada 10 Disember lalu.

Jimah East Power ialah anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan pemilikan 70 peratus.

TNB berkata, penyelarasan pertama itu bermakna penjana Unit 1 telah diselaraskan ke sistem grid Malaysia dan mula membekalkan elektrik.

"Ini adalah pencapaian utama ke arah penyelesaian unit," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata projek itu, Loji Tenaga Super Kritikal (USC) Keempat Malaysia, akan meningkatkan kapasiti penjanaan TNB kepada lebih 14,000 MW.

Beliau juga berkata, loji janakuasa itu adalah Loji

Tenaga Arang Batu USC ketiga TNB, selain Manjung 4 dan Manjung 5, kedua-duanya di Lumut, Perak.

"Kejayaan hari ini penting kerana ia mengesahkan kemajuan projek pada 97 peratus," katanya.

Karbon rendah

Loji berharga RM12 bilion itu menempatkan dua unit Loji Tenaga Arang Batu USC 1,000 MW, dengan Unit 1 dijadual



Leo Moggie

memulakan operasi komersial pada Jun 2019 dan Unit 2 pada Disember 2019.

Sementara itu, Pengurus Besar dan Pengarah Toshiba Energy Systems and Solutions, Takao Konishi, berkata Toshiba komited menyumbang kepada usaha untuk merealisasikan ekonomi karbon rendah dan bekalan kuasa yang stabil di Malaysia, dengan menyediakan teknologi penjanaan kuasa utama dunia.

Teknologi USC adalah teknologi pembakaran arang batu yang cekap dengan kecekapan sebanyak 40 peratus berbanding teknologi penghancuran arang batu, dengan kecekapan 36 peratus.

Tenaga yang dijana dari kemudahan Jimah East Power akan dijual kepada TNB mengikut perjanjian pembelian kuasa selama 25 tahun. **BERNAMA**

LAMPIRAN 3
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 39
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)



LEO MOGGIE (empat dari kiri) pada majlis meraikan penyelarasan Unit 1 Jimah East Power Sdn. Bhd. kepada grid nasional di Port Dickson, Negeri Sembilan, semalam.

Unit 1 Jimah mula bekalkan elektrik

KUALA LUMPUR 18 Dis. - Unit 1 loji jana kuasa arang batu Jimah East Power Sdn. Bhd., anak syarikat Tenaga Nasional Bhd. (TNB) di Port Dickson, Negeri Sembilan berjaya diselaraskan pada 10 Disember lalu.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, penyelarasan pertama itu bermakna penjana Unit 1 telah diselaraskan ke sistem grid Malaysia dan mula membekalkan elektrik.

Katanya, ia merupakan pencapaian utama ke arah penyelesaian unit.

“Projek Loji Tenaga Super Kritikal (USC) Keempat Malaysia itu akan meningkatkan kapasiti penjanaan TNB kepada lebih 14,000 megawatt (mW).

“Loji jana kuasa berkenaan adalah Loji Tenaga Arang Batu USC ketiga TNB, selain Manjung 4 dan Manjung 5, kedua-duanya di Lumut, Perak,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

TNB dengan pemilikan 70 peratus dalam Jimah East Power memberitahu kejayaan tersebut penting kerana ia mengesahkan kemajuan projek pada 97 peratus.

Loji berharga RM12 bilion itu menempatkan dua unit Loji Tenaga Arang Batu USC 1,000 mW, dengan Unit 1 dijadual memulakan operasi komersial pada Jun 2019 dan Unit 2 pada Disember 2019.

Sementara itu, Pengurus Besar dan Pengarah Toshiba

Energy Systems & Solutions, Takao Konishi berkata, Toshiba komited menyumbang kepada usaha untuk merealisasikan ekonomi karbon rendah dan bekalan kuasa yang stabil di Malaysia dengan menyediakan teknologi penjanaan kuasa utama dunia.

Teknologi USC adalah teknologi pembakaran arang batu yang cekap dengan kecekapan sebanyak 40 peratus berbanding teknologi penghancuran arang batu, dengan kecekapan 36 peratus.

Tenaga yang dijana daripada kemudahan Jimah East Power akan dijual kepada TNB mengikut perjanjian pembelian kuasa selama 25 tahun.

LAMPIRAN 4
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 29
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

Penjana Unit 1 Jimah East Power mula bekalkan elektrik

Unit 1 loji jana kuasa arang batu Jimah East Power Sdn Bhd di Port Dickson, Negeri Sembilan berjaya diselaraskan pada 10 Disember lalu.

Jimah East Power adalah anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan pemilikan 70 peratus.

TNB dalam kenyataan berkata, penyelarasan pertama itu bermakna penjana Unit 1 diselaraskan ke sistem grid Malaysia dan mula membekalkan

elektrik.

“Ini adalah pencapaian utama ke arah penyelesaian unit,” katanya.

Pengerusi TNB Tan Sri Leo Moggie berkata, projek itu, Loji Tenaga Super Kritikal (USC) Keempat Malaysia akan meningkatkan kapasiti penjanaan TNB kepada lebih 14,000 MW.

“Ia adalah Loji Tenaga Arang Batu USC ketiga TNB, selain Manjung 4 dan Manjung 5, kedua-duanya di Lumut, Perak,” katanya.

LAMPIRAN 5
NEWS STRAIT TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 19
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

Unit 1 of Jimah East plant starts supplying electricity

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd's (TNB) Unit 1 of Jimah East Power Sdn Bhd's coal-fired power plant in Port Dickson successfully achieved its first synchronisation on December 10.

TNB owns 70 per cent of Jimah East Power.

The first synchronisation means the generator of Unit 1 has been synchronised to the national grid system and commenced supplying electricity to it.

TNB chairman Tan Sri Leo Moggie said the project, Malaysia's fourth ultra-super critical (USC) coal-fired power plant, would increase the group's generation capacity to more than

14,000 megawatts (MW).

He also said the power plant was TNB's third USC coal-fired power plant, with the other two being Manjung 4 and Manjung 5, in Lumut.

"This is a significant milestone as it confirms the project's progress at 97 per cent."

Meanwhile, Toshiba Energy Systems and Solutions director and general manager Takao Konishi said Toshiba was committed to contributing to the realisation of a low-carbon economy and a stable power supply in Malaysia by providing world-leading power generation technologies.

LAMPIRAN 6
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 12
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

NGO alam sekitar desak hentikan pembalakan di Perak

KUALA LUMPUR 18 Dis. – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendesak supaya tindakan tegas dan sewajarnya diambil bagi mengatasi masalah pembalakan melebihi had kawasan oleh lapan syarikat di sekitar kawasan hutan simpan kekal daerah Hulu Perak, Perak.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kuasa yang dimiliki oleh pihak berkuasa negeri wajar digunakan sepenuhnya untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat berkaitan.

“Tiada alasan untuk pihak berkuasa tidak mengetahui perkara ini. Sepatutnya mereka bertindak dengan segera untuk menyelesaikan masalah itu sebelum lebih banyak hutan di Perak hilang.

“Mereka perlu turun padang dan melihat sendiri betapa teruknya keadaan di tempat itu dengan pembalakan yang tiada kawalan sehingga pendu-



SHARIFFA SABRINA



MEOR RAZAK

duk orang asli kawasan terbabit membuat sekatan untuk menghalang lori masuk,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Shariffa Sabrina, sesiapa juga boleh mengetahui berlaku pembalakan pada bahagian hulu sungai dengan melihat keadaan air sungai Perak yang mulai keroh dan kotor.

Sementara itu, Pegawai Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, perkara itu perlu dipanjangkan ke Suruhan-

jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika didapati mempunyai unsur rasuah dalam kerajaan negeri.

“Jabatan Hutan hendaklah menguatkuasakan syarat-syarat seperti yang termaktub dalam perjanjian kerana mereka bertanggungjawab mem-

berikan kebenaran untuk syarikat itu beroperasi.

“Serbuan atau pantauan secara berterusan perlu dilakukan dan dapat dilihat kelemahan kawal selia sama ada secara sengaja atau tidak dalam menguruskan hal ini,” ujarnya.

Sebelum ini, didakwa sebanyak lapan syarikat pembalakan di Perak menggunakan lesen mereka untuk beroperasi melebihi had kawasan yang ditetapkan.

LAMPIRAN 7
HARIAN METRO (NUANSA): MUKA SURAT 47
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

PANTAI terjejas
dengan sampah.



KUMPULAN sukarelawan Guardians of Mother
Earth, Trash Hero, I-Cycle dan ETCM.



BERSIH PANTAI BAGAN LALANG

120
sukarelawan
kutip 200kg
barang
terbuang

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Pantai antara destinasi riadah yang sering dikunjungi orang ramai bagi melakukan pelbagai aktiviti termasuk berkelah, berkhemah, menaiki bot dan memancing.

Bagi warga Kuala Lumpur dan Selangor, Pantai Bagan Lalang yang terletak 60 kilometer dari pusat bandar adalah pusat percutian yang paling menjadi tumpuan.

Di sebalik popularitinya, ada hakikat yang menyedihkan. Sekumpulan aktivis alam sekitar daripada Guardians of Mother Earth, Trash Hero dan I-Cycle yang

melaksanakan kempen global sivik bersama Edaran Tan Chong Motor Sdn Bhd (ETCM) mendapati pusat perkemahan terdapat dicemari sikap pengunjung yang tidak bertanggungjawab.

Kempen sivik itu disertai 120 peserta termasuk kakitangan ETCM dan sukarelawan alam sekitar yang menjalankan aktiviti pembersihan pantai sepanjang 1.6 kilometer bagi mendapatkan pantai yang indah selain memastikan hidupan marin bebas daripada kekotoran serta pencemaran.

Menurut Pengarah Jualan dan Pemasaran ETCM, Christopher Tan, program



SUKARELAWAN gigih mengutip sampah.

pembersihan pantai itu adalah satu inisiatif eko di bawah kempen Nissan Nurtures Nature yang dilancarkan sejak Jun lalu.

"Kami ingin meningkatkan kesedaran mengenai isu pembuangan sampah dan mendidik amalan positif untuk menambah baik kualiti hidup masyarakat.

"Kami harap aktiviti ini dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai orang untuk memainkan peranan masing-masing dalam

memulihara alam sekitar.

"Bukan sekadar di pantai, malah di tempat awam yang lain juga perlu dijaga.

Sudah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memelihara negara yang indah ini buat anak kita dan generasi akan datang," katanya yang turut melahirkan kekesalan apabila sampah terutama beg plastik dan puntung rokok dibuang di merata tempat di kawasan pantai. Sepanjang aktiviti

pembersihan pantai ini, peserta mengutip lebih 200 kilogram (kg) barang terbuang termasuk 113kg barangan yang boleh dikitar semula, 86kg sampah dan enam kilogram puntung rokok.

Antara sampah yang sering dibuang ialah penyedut minuman, botol kaca dan plastik, pembungkus makanan, sudu dan garfu yang sering digunakan kala berkelah.

Data material bahan buangan ini akan dihantar ke pihak berkuasa Pembersihan Sedunia untuk dianalisis dan memahami lebih mendalam mengenai skala masalah pembuangan sampah di Malaysia.

Turut diadakan taklimat ringkas kepada sukarelawan, sesi meditasi pendek untuk berhubung dengan alam sekitar serta ceramah eko mengenai pengurusan sampah oleh aktivis alam sekitar. Kempen Nissan Nurtures Nature turut disertai kumpulan ETCM Butterworth dan ETCM Ipoh.

LAMPIRAN 8 KOSMO! (INFINITI): MUKA SURAT 28 TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)



KOMUNITI Anak Pokok Kinabatangan bertanggungjawab menanam pokok bagi Projek RiLeaf Kinabatangan di sepanjang Sungai Kinabatangan.



JEFFRI



JUAN



MASHOR

SEBAGAI sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian alam sekitar, Nestlé (Malaysia) Berhad dan Yayasan Sime Darby (YSD) akan meneruskan usaha sama mereka dalam Projek RiLeaf Kinabatangan dengan sasaran baru iaitu menanam sejuta pokok di sepanjang Sungai Kinabatangan menjelang tahun 2020.

Inisiatif tersebut merupakan langkah pemuliharaan alam sekitar di kawasan tersebut menerusi Projek RiLeaf Kinabatangan yang ditubuhkan pada tahun 2011 dan disokong oleh YSD sejak tahun 2014.

Pada tahun lalu, projek tersebut telah berjaya mencapai sasaran untuk menanam semula kawasan seluas 2,500 hektar di sepanjang sungai itu yang bersamaan lebih 3,500 padang bola sepak dengan 700,000 pokok.

Menerusi usaha penanaman semula pokok, projek ini bermatlamat untuk memulihara rizab hutan penting di kawasan hilir

RONA
alam

Sungai Kinabatangan. Kawasan hutan tersebut membentuk zon penempatan semula jadi bagi mengurangkan pencemaran sungai dan membantu melindungi kepelbagaian ekosistem.

Sokongan pada

Pada tahun 2018, Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) telah memberikan sokongan penuh kepada projek tersebut melalui peruntukan tanah bagi usaha penanaman semula hutan dan menyediakan bantuan teknikal yang berharga. Seiring dengan kesan alam

ANAK-ANAK pokok dibawa menaiki bot untuk ke tempat tanam di sekitar tebing Sungai Kinabatangan.



Projek RiLeaf memulihara kelestarian alam sekitar di Sungai Kinabatangan

sekitarnya yang positif, Projek RiLeaf Kinabatangan juga telah berjaya memperkayakan masyarakat tempatan yang tinggal di sepanjang Sungai Kinabatangan dengan memberi peluang menambah pendapatan melalui Komuniti Anak Pokok Kinabatangan (Kapak).

Komuniti tersebut merupakan pengeluar anak benih dan juga bertanggungjawab menanam pokok bagi Projek RiLeaf Kinabatangan.

Mereka menggunakan anak benih hutan yang disemai untuk ditanam di sepanjang Sungai Kinabatangan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad,

Juan Aranol berkata, Sungai Kinabatangan merupakan nadi kehidupan penting di Sabah.

"Sungai ini memainkan peranan besar untuk hidupan liar dan juga manusia. Kami bertekad untuk memulihara kepelbagaian biologi ini menerusi Projek RiLeaf Kinabatangan dan terus mencipta landskap bagi memastikan manusia dan alam semula jadi serta agrikultur boleh wujud pada masa yang sama," katanya ketika berucap pada Majlis Pelantikan Projek RiLeaf Kinabatangan di Sukau, Sabah baru-baru ini.

Tambah beliau, pihaknya sangat teruja untuk memperluaskan lagi Projek RiLeaf Kinabatangan demi menanam satu juta pokok menjelang tahun 2020.

Ujar Juan, kawasan penanaman baharu bagi Projek RiLeaf Kinabatangan terletak di kawasan *European Union Reduce Emissions From Deforestation and Forest Degradation-Plus (EU REDD+)* yang merupakan inisiatif global untuk menyokong urus tadbir kerajaan bagi mengurangkan penerokaan dan pembasmian hutan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Berhad, Datuk Jeffri Salim Davidson berharap, menerusi usaha sama berterusan, Projek

RiLeaf bukan sahaja dapat mengurangkan pencemaran dan memelihara habitat hidupan liar di sepanjang sungai tetapi juga memainkan peranan positif kepada koridor hidupan liar, santuari dan kawasan yang menghadapi ancaman banjir.

Komitmen

"Kami juga gembira kerana projek ini telah berjaya meningkatkan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan bagi masyarakat setempat di kawasan Kinabatangan.

"Nustera, kami yakin bahawa projek ini akan memainkan peranan untuk mencipta persekitaran yang mesra bagi masyarakat tempatan dan alam semula jadi," tuturnya yang juga merupakan Ahli Majlis Pentadbiran Yayasan Sime Darby.

Dalam pada itu, Ketua Pemuliharaan Hutan, Jabatan Perhutanan Sabah, Datuk Mashor Mohd. Jaini, Ketua Pemuliharaan Hutan (SFD) berkata, komitmen untuk menanam satu juta pokok menjelang tahun 2020 menerusi Projek RiLeaf Kinabatangan akan memberikan sumbangan besar ke arah memulihara hutan riparian di sepanjang Sungai Kinabatangan.

"Seperti yang kita semua maklum, Sungai Kinabatangan merupakan sungai yang terpanjang di Sabah dan kedua di Malaysia.

"Sungai sepanjang 660 kilometer itu kaya dengan kepelbagaian biodiversiti yang bertungsi sebagai sumber bekalan air dan juga merupakan habitat hidupan liar," terangnya.



PEMULIHARAAN hutan penting untuk hidupan liar.



ANAK pokok bayur antara yang ditanam oleh Komuniti Anak Pokok Kinabatangan.



PROJEK RiLeaf merupakan inisiatif daripada Nestlé yang mendapat kerjasama daripada Yayasan Sime Darby dan Jabatan Perhutanan Sabah.

SUNGAI Kinabatangan merupakan sungai terpanjang di Sabah dan kedua di Malaysia.



PIHAK media, wakil Nestlé, Sime Darby dan Jabatan Perhutanan Sabah berpeluang menyaksikan penanaman pokok di bawah kelolaan Projek RiLeaf Kinabatangan di Sandakan, Sabah baru-baru ini.

LAMPIRAN 9
NEWS STRAIT TIMES (NATION): MUKA SURAT 9
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)

Creating green job opportunities

KUALA LUMPUR

AS Asean Labour Sector chairman for 2018-2020, Malaysia will undertake efforts to create job opportunities and skill development in green sectors in the region. The theme for this year is "Promoting Green Jobs for Equity and Inclusive Growth of Asean Community".

Malaysia through its human resources minister, chaired the 25th Asean Labour Ministers' Meeting and its Related Meetings and Conference on Nov 28 and 29. Malaysia has previously hosted the Asean Labour Ministers Meeting in 1980, 1990 and 2001.

Human Resources Minister M. Kulasegaran said Asean's Labour sector was about to witness a significant leap in the development, promotion and facilitation of various green sectors.

The Asean Declaration on Promoting Green Jobs for Equity and Inclusive Growth of Asean Community was adopted by Asean Member States and had been supported by Asean Dialogue Partners, comprising People's Republic of China, Japan and Republic of Korea.

The adopted declaration serves as the commitment from labour ministers among Asean Member States to embark into advocacy, awareness and empowerment programmes, with Malaysia as the chair to spearhead these programmes.

Promoting green jobs will include job opportunities in green sectors, enhancing resources efficiency and creating low carbon societies. The potential to create job opportunities in green sectors, while greening the economy can have positive implications for the labour market and the environment. Therefore, to meet the twin objectives of high economic growth and sustainable development, green jobs are increasingly seen as a win-win solution for all.

During the opening ceremony of the meeting on Nov 28, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad's opening speech was read out by Kulasegaran.

He noted that employment across Asean's green economy had grown by 3.2 per cent over the past two years, compared with the overall economic growth of five to six per cent, which meant almost 1.4 mil-



25th ASEAN LABOUR MINISTERS' MEETING
AND ITS RELATED MEETINGS / CONFERENCE

Promoting Green Jobs for Equity and Inclusive Growth of ASEAN Community

23 - 30 NOVEMBER 2018 | KUALA LUMPUR, MALAYSIA



Human Resources Minister M. Kulasegaran (sixth from left) at the opening of the 25th Asean Labour Ministers' Meeting and its Related Meetings and Conference last November in Kuala Lumpur.

lion green jobs opportunities had been created, according to the DBS' Annual Report 2017 on Green Jobs Opportunities in Asean.

The Asean Labour Ministers Meeting is the highest-level meeting that is entrusted with decision-making on programmes and activities based on the Asean Socio-Cultural Community Blueprint and the

Asean Labour Ministers' Work Programme 2016-2020.

There are 640 million of Asean population, making it the largest in the world behind India, China and the European Union. The total labour force is 350 million, with issues related to job opportunities, skills development, occupational safety and health as well as social

security for workers are vital to address at regional level.

Kulasegaran said an action plan to implement the Asean Declaration on Promoting Green Jobs for Equity and Inclusive Growth of Asean Community would be worked out to create green job opportunities and develop related green skills.

LAMPIRAN 10
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 43
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)



ORANG ramai bersiar-siar dekat Pelabuhan Kasimedu ketika Siklon Phethai menghampiri pantai timur India semalam. AFP

Siklon Phethai badai pantai timur India

NEW DELHI - Siklon kuat menyebabkan seorang mangsa terkorban dan memaksa beribu-beribu penduduk meninggalkan kediaman mereka di pantai timur India, kata beberapa pegawai pengurusan bencana semalam.

Siklon Phethai membawa angin berkelajuan sehingga 90 kilometer sejam dan mengakibatkan pokok serta tiang elektrik tum-

bang. Ribut itu turut membawa hujan lebat ke kawasan pantai di negeri Andhra Pradesh selepas tiba di daratan kelmarin.

Pegawai-pegawai itu berkata, seramai 10,600 orang berada di kem-kem sementara selepas dipindahkan dari daerah-daerah yang terjejas.

Siklon itu semakin lemah dan bergerak jauh menuju ke pedalaman dengan membawa berama

hujan lebat.

Seorang mangsa terbunuh akibat hujan lebat di bandar Vijaywada, kata pegawai pengurusan bencana negeri Andhra Pradesh kepada agensi berita AFP.

Pada bulan lalu, Siklon Gaja melanda pantai timur India dan mengakibatkan lebih 30 kematian. Dua orang terkorban akibat Siklon Titli pada Oktober lalu. - AFP

LAMPIRAN 11
KOSMO! (K2): MUKA SURAT 22
TARIKH: 19 DISEMBER 2018 (RABU)



Turki promosi kepentingan kitar semula

BERDIRINYA wanita Turki, Tulay Gerecek di hadapan mesin layan diri di tengah-tengah kesibukan stesen tren Metro bukanlah untuk memasukkan duit syiling ke dalam slot itu.

Sebaliknya, Gerecek meremukkan botol plastik lalu dimasukkan ke slot mesin layan diri tersebut.

Hal ini kerana setiap botol atau tin yang dimasukkan ke dalam mesin itu akan memberinya kredit tambahan dalam kad Istanbul iaitu 'tiket' untuk kegunaan pengangkutan awam dalam bandar.

Ia merupakan projek perintis majlis perbandaran negara itu untuk mempromosi kitar semula.

"Saya akan membawa botol plastik ke sini setiap hari.

"Dahulunya saya hanya membuang ke dalam tong sampah. Ini merupakan satu projek yang baik dan perlu diperluaskan lagi.

"Saya percaya, ia sedikit sebanyak mampu meningkatkan kesedaran dalam diri masyarakat setempat," ujarnya.

Mesin itu ditempatkan di



GERCEK memasukkan botol plastik ke dalam sebuah mesin layan diri di sebuah stesen tren Metro Istanbul di Istanbul, Turki baru-baru ini.

tiga stesen Istanbul Metro di bandar mega Turki itu dan pihak berkuasa berharap usaha itu dapat dikembangkan ke lokasi lain pada masa depan.

Ia merupakan pendekatan ganjil lebih-lebih lagi melibatkan sebuah negara berpenduduk sekitar 80 juta orang yang memiliki rekod kitar semula paling buruk di dunia.

Analisis

Turki terletak pada tangga ke-108 dengan skor 2.96 dalam Indeks Prestasi Alam Sekitar 2018 yang dibangunkan oleh Pusat Undang-undang dan Polisi Alam Sekitar Yale di Amerika Syarikat (AS) yang menganalisis sehingga 180 buah negara.

Ia didahului oleh Switzerland dengan skor 87.42 yang peka terhadap isu seperti cuaca, tenaga dan pencemaran udara.

Ketua Yayasan Mind Your Waste (Copune Sahip Cik), Oya Guzel berkata, Turki menghasilkan sekitar 31 juta tan sisa buangan setiap tahun, namun hanya 11 peratus yang

dikitar semula.

"Kita mencemarkan tanah dan alam dengan plastik, besi dan kaca yang kekal dalam ekosistem semula jadi sehingga bertahun-tahun.

"Kami sasaran sehingga 35 peratus peningkatan tahap kegiatan kitar semula dalam masa lima tahun lagi walaupun perkembangannya boleh disifatkan sebagai perlahan," jelasnya.

Tambah Guzel, pengguna sendiri memainkan peranan penting untuk membuat keputusan mengitar semula.

Majlis perbandaran Istanbul memberitahu AFP, sebanyak 61 peratus sisa yang tidak boleh dikitar semula akan dibakar untuk menjana elektrik, manakala 28 peratus lagi ditanam tanpa sebarang fungsi.

Biarpun polisi hijau tidak menjadi keutamaan dalam sebarang pilihan raya di Turki, Presidennya, Recep Tayyip Erdogan kini memberi tumpuan terhadap isu tersebut.

Sementara itu, Menteri Alam Sekitar dan Urbanisasi, Murat

Kurum berkata, negara itu akan mengenakan caj untuk beg plastik bermula Januari nanti, selari dengan pendekatan yang diambil negara-negara Eropah lain.

Ia dilihat sebagai revolusi bagi sebuah negara yang tegar menggunakan beg plastik.

Jelas Kurum, secara puratanya 440 beg plastik digunakan setiap tahun bagi seorang rakyat Turki dan kementerian tersebut berharap dapat mengurangkannya sehingga 40 beg plastik menjelang 2025.

Kempen tersebut disokong oleh isteri Erdogan iaitu Emine yang meletakkan sasaran sifar sisa agar alam sekitar lebih ceria, selain mengukuhkan ekonomi menerusi klasifikasi sisa serta kitar semula yang efisien.

Kata Emine, Istana Presiden turut menuju ke arah hasrat itu dengan para pegawainya kini dilatih untuk mengitar semula.

"Kami sudah tidak memiliki trak sampah di kompleks Presiden setelah sekian lama," jelasnya.

Di salah sebuah fasiliti pinggir Istanbul, bahan organik diasing, diproses dan digunakan sebagai baja untuk kegunaan taman serta kebun sekitar bandar.

Bagi bahan bukan organik seperti gelas, kaca dan besi pula, kesemuanya akan dikitar semula.

Ketua Kitar Semula Bandar Istanbul, Ibrahim Halil Turkeri berkata, tanggungjawab mengitar semula itu terletak pada bahu setiap individu.

"Sekiranya bahan buangan itu diasingkan dari awal, sisa yang lebih bersih akan tiba di fasiliti dan kilang sekali gus menjadikannya material sekunder yang lebih bernilai.

"Malah, boleh dikatakan setiap material berupaya untuk dikitar semula," ujarnya.- AFP



KERAJAAN Turki menyasarkan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kalangan rakyatnya.